



*KENYATAAN MEDIA
BERKENAAN*

MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN JAKIM KE-29

Bil.36/2021

1. Sukacita dimaklumkan, bahawa JAKIM akan menganjurkan Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM ke-29 yang akan berlangsung pada **16 Oktober 2021 jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Muktamar Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu, Selangor**. Majlis akan disempurnakan oleh **Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**. Seramai **1,235 orang** graduan daripada semua program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran akan bergraduasi.
2. Majlis yang akan dijalankan **secara hibrid ini melibatkan dua kohort pengajian iaitu kohort 2020 dan 2021**. Majlis istiadat bagi kohort pelajar 2020 disekalikan bersama graduan kohort 2021 berikutan penularan wabak Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3. Pecahan jumlah graduan berdasarkan program-program pengajian yang ditawarkan oleh Darul Quran bagi kedua-dua kohort pengajian adalah seperti berikut:-

- i. **50 orang** penerima Sijil Tamat Pengajian daripada **Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM**;
 - ii. **1,003 orang** graduan daripada **Program Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat**;
 - iii. **130 orang** graduan daripada **Program Pensijilan Tahfiz al-Quran** bagi kolaborasi **JAKIM-IIUM** (International Islamic University Malaysia), **JAKIM-UNITEN** (Universiti Tenaga Nasional), **JAKIM-UoC** (University of Cyberjaya), **JAKIM-UTeM** (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) dan **JAKIM-PSA** (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah);
 - iv. **Seorang** graduan **Program Sijil Asas Tahfiz JAKIM-PSAS** (Politeknik Sultan Azlan Shah);
 - v. **11 orang** graduan **Program Sijil Asas Tahfiz** bagi kategori **muallaf, orang asli, pribumi Sabah/Sarawak dan OKU Penglihatan**;
 - vi. **6 orang** perantis **Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid**; dan
 - vii. **34 orang** perantis **Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Bidang Pengurusan Masjid** serta **Bidang Pengurusan Tahfiz**.
4. JAKIM amat komited dalam menjayakan hasrat kerajaan untuk memperkasakan pendidikan tahfiz agar seiring dengan pendidikan arus perdana. Sejak penubuhannya pada tahun 1966 dan sehingga kini, **Darul Quran JAKIM telah berjaya melahirkan seramai 10,059 orang graduan huffaz.**

5. JAKIM berharap, usaha pihak Kerajaan melalui **Inisiatif Pemantapan Sistem Pendidikan Islam** yang melibatkan mekanisme pengajaran dan pembelajaran kurikulum pendidikan khususnya pendidikan tahfiz agar terus diangkat martabatnya serta dibuat penyesuaian mengikut norma baharu pendidikan masa kini.
6. Semua langkah yang diambil ke arah merealisasikan hasrat tersebut diharap akan dapat membantu **pelaksanaan penjanaaan program pendidikan al-Quran khususnya dalam bidang tahfiz** agar sampai kepada semua lapisan masyarakat Muslim dalam negara selaras dengan slogan **"Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera"**.
7. Sehubungan itu, dimohon jasa baik rakan-rakan media untuk membuat hebahan berkaitan program ini.

Sekian

DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

14 Oktober 2021